

Kesahan Kandungan Instrumen Soal Selidik Faktor Yang Mempengaruhi Penerimaan Guru Menggunakan Google Classroom Dalam Pembelajaran Teradun Matematik (Content Validity for Factors That Influencing Teacher in Adopting Google Classroom in Blended Learning Mathematics Questionnaire Instrument)

Nazri Bin Sedi^{1*}, Mohammad Nur Azhar Mazlan¹

¹ Fakulti Sains Kognitif & Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Malaysia

*Pengarang Koresponden: nazrisedi@gmail.com

Received: 25 September 2023 | Accepted: 16 November 2023 | Published: 1 December 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.4.2>

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk menilai kesahan kandungan Instrumen Soal Selidik Faktor Yang Mempengaruhi Penerimaan Guru Menggunakan Google Classroom Dalam Pembelajaran Teradun Matematik dengan menggunakan Indeks Kesahan Kandungan Item (I-CVI) dan Pekali Kappa Diubahsuai (k^*). Tujuh orang pakar telah dipilih melalui persampelan bertujuan untuk menilai dan mengesahkan kandungan instrumen soal selidik. Instrumen soal selidik tersebut terdiri daripada 40 item dengan enam pemboleh ubah tidak bersandar dan satu pemboleh ubah bersandar. Hasil kajian menunjukkan bahawa tiga item perlu digugurkan kerana mencatatkan nilai I-CVI dan Pekali Kappa (k^*) yang sangat rendah. Keseluruhannya, instrumen soal selidik tersebut menunjukkan kesahan kandungan yang baik dan dapat digunakan untuk kajian rintis.

Kata kunci: kesahan kandungan, soal selidik, Google Classroom, matematik

Abstract: This study aims to evaluate the content validity of the Factors Influencing Teacher in Adopting Google Classroom in Blended Learning Mathematics Questionnaire Instrument by using Item-Content Validity Index (I-CVI) and Modified Kappa Coefficient (k^*). Seven experts were selected through purposive sampling to evaluate and validate the content of questionnaire instrument. The questionnaire contains 40 items with six independent variables and a dependent variable. The result shows that three items should be removed from the questionnaire due to low score in I-CVI and Modified Kappa Coefficient (k^*). Overall, the result shows that the questionnaire has a good content validity and can be used for pilot test.

Keywords: content validity, questionnaire, Google Classroom, mathematics

1. Pengenalan

Kesahan kandungan merupakan satu prosedur untuk mengukur dan mengesahkan ketepatan kandungan suatu item soal selidik yang sepatutnya mengukur apa yang sepatutnya diukur (Sekaran & Bougie, 2016). Kesahan kandungan perlu dilakukan untuk melihat sejauh mana keupayaan kandungan suatu instrumen selari dengan pemilihan skala pengukuran yang akan